

Tingkat kesedaran bahaya rasuah

► SPRUMS anjur Program Generasi Muda Bebas Rasuah di Kg. Langsat Ranau



Dari Kampus

4B 7.12.2018 B3
KOTA KINABALU: Program Generasi Muda Bebas Rasuah anjuran Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) diadakan buat julung-julung kalinya pada 24 November lepas di Kampung Langsat Ranau Sabah.

Program yang melibatkan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sabah

dan juga golongan anak yatim Kampung Langsat adalah program Corporate Social Responsibility (CSR) bagi meningkatkan kesedaran kepada generasi muda mengenai bahayanya rasuah.

Seramai 50 orang anak-anak yatim Kampung Langsat terlibat dalam program itu.

Objektif utama program ini dijalankan adalah membina ikatan yang kuat di antara Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) dengan anak-anak yatim Kampung Langsat Ranau Sabah.

Selain itu, menceriaikan dan menyebarkan informasi berkenaan rasuah turut didedahkan kepada anak-anak yatim Kg Langsat.

Ia bertujuan untuk



ANTARA permainan yang dijalankan semasa program Generasi Muda Bebas Rasuah.

“Rasuah bukan sahaja dilakukan oleh orang dewasa malahan juga harus dipupuk dengan generasi muda agar dapat meningkatkan kesedaran dari awal.”

RAHIM

Wakil rumah anak yatim

meningkatkan kecekapan kemahiran dan kemahiran komunikasi kepada mahasiswa dan mahasiswi UMS.


Wakil rumah anak yatim, Rahim berkata program sebegini baik untuk meningkatkan kesedaran

dalam kalangan generasi muda.

“Rasuah bukan sahaja dilakukan oleh orang dewasa malahan juga harus dipupuk dengan generasi muda agar dapat meningkatkan kesedaran dari awal.” katanya.

Dengan penganjuran program Generasi Muda Bebas Rasuah ini, SPRUMS berharap agar dapat menganjurkan lagi program-program seperti ini pada masa akan datang melibatkan mahasiswa dan golongan muda.

Ia bertujuan agar mereka menyedari kepentingan pencegahan rasuah dan bahayanya rasuah dalam kehidupan serta bersama-sama membanteras rasuah dan menjadi mahasiswa dan golongan muda yang berintegriti selaras dengan nama program iaitu ‘Generasi Muda Bebas Rasuah’.



WAKIL daripada Anak-anak Yatim yang menyampaikan mesej berkenaan rasuah.